

KPT kaji kemungkinan libatkan IPTS dalam PLKN - Zambry

• Oleh Berita Harian- 16 June , 2026 @ 03:55pm



Zambry (tengah) melihat Buku Nahas Gerik: UPSI Berduka bersama sebahagian mangsa yang terselamat dalam tragedi kemalangan bas pelajar UPSI di Gerik pada 9 Jun tahun lepas, pada pelancaran buku itu di Bilik Diraja Dewan Tuanku Canselor UPSI. Foto: Bernama

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang mengkaji kemungkinan untuk melibatkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) pada masa hadapan. Menteri, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menyatakan bahawa perkara tersebut tertakluk kepada perbincangan lanjut bersama Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Meja Jen Datuk Marzuki Mokhtar, bagi mengatur urutan pelaksanaannya. Cadangan tersebut akan memberi tumpuan kepada IPTS negeri serta universiti berkaitan syarikat pelaburan kerajaan (GLC) selepas fasa penglibatan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) selesai.

Komitmen tersebut dikongsi beliau selepas merasmikan Program Rintis PLKN 3.0 Peringkat Universiti Awam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menyaksikan penyertaan seramai 1,005 pelajar baharu program diplomaambilan Jun 2026. Menurut Zambry, tumpuan pelaksanaan program rintis bernilai RM250 juta itu kini diberikan kepada IPTA terlebih dahulu, sebelum disusuli oleh peringkat politeknik dan kolej komuniti, dengan sasaran peluasan menyeluruh ke semua IPTA menjelang tahun 2027.



pusat.sumber.kpt@mohe.gov.my



Pusat Sumber KPT



pusatsumberkpt